

UNSUR PATRIOTISME DALAM SEJARAH SALASILAH RAJA BUGIS: ANALISIS TERHADAP *KITAB KUMPULAN RINGKAS BERBETULAN LEKAS*

(*Elements of Patriotism in the Genealogy of the Bugis Monarchs: An Analysis of Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*)

*Annuar Ramadhon Kasa*¹

annuarramadhonkasa@gmail.com

*Mohd Anuar Ramli*²

mohdanuar@um.edu.my

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.¹

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.²

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Annuar Ramadhon Kasa & Mohd Anuar Ramli. (2024). Unsur patriotisme dalam sejarah salasilah raja-raja Bugis: Analisis terhadap *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*. *Malay Literature*, 37(2), 201–228. [https://doi.org/10.37052/ml37\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/ml37(2)no2)

Received:	28/8/2024	Revised:	22/10/2024	Accepted:	6/11/2024	Published online:	14/11/2024
Peroleh:	Semakan			Terima:		Terbit dalam talian:	

Abstrak

Sastera adab ketatanegaraan merupakan sebahagian daripada sejarah kesusastraan Melayu tradisional yang menampilkan pedoman atau nasihat kepada pemerintah tentang cara mentadbir negara dengan baik. Tradisi penulisan karya genre ini lazimnya memuatkan kisah sejarah berunsurkan didaktik yang disokong dengan petikan ayat al-Quran, hadith atau kata-kata ulama tertentu bagi meninggalkan kesan di hati pembaca, iaitu raja atau para pembesar. Pada awal abad ke-20, tradisi ini diteruskan oleh Raja Ali Kelana melalui penghasilan *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, namun menampilkan ciri-ciri tambahan dalam konteks sejarah, iaitu dengan memuatkan salasilah

keturunan diraja Bugis dalam Kesultanan Riau-Lingga. Sehubungan dengan itu, kajian ini berfokus untuk menganalisis unsur sejarah dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* dengan tumpuan terarah kepada salasilah keturunan diraja Bugis. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan metode analisis kandungan dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati bahawa karya ini menampilkan unsur patriotisme, iaitu punca kuasa Raja-raja Bugis dalam Kesultanan Riau-Lingga, jurai keturunan Raja-raja Bugis yang mewarisi jawatan Yang Dipertuan Muda dan kisah Opu Bugis sebagai patriot. Perkara tersebut merupakan refleksi pengarang untuk membangkitkan semangat patriotisme berikutan suasana sosiopolitik Kesultanan Riau-Lingga yang tertekan akibat penjajahan kuasa barat.

Kata kunci: Bugis, kesusasteraan Melayu, ketatanegaraan, patriotisme, Riau-Lingga, sejarah Melayu

Abstract

Mirror for rulers' genre is a part of the history of traditional Malay literature, providing guidance and advice to rulers on effective governance. This genre of writing typically contains didactic historical narratives supported by quotations from the Quran, hadith, or specific sayings by Islamic scholars, aimed at leaving a lasting impression on readers, particularly the kings or the dignitaries. In the early 20th century, this tradition was carried on by Raja Ali Kelana through the production of Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas, which features additional historical elements, specifically the genealogical lineage of the Bugis monarchs within the Riau-Lingga Sultanate. Consequently, this study focuses on analysing the historical elements within the Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas, with particular attention to the genealogical lineage of the Bugis monarchs. This research employs a qualitative approach, utilising content analysis method with an inductive approach. The findings of the study indicate that this literary work features elements of patriotism, specifically regarding the sources of power of the Bugis kings within the Riau-Lingga Sultanate, the lineage of the Bugis kings who inherited the position of Yang Dipertuan Muda, and the narrative of Opu Bugis as a patriot. This reflects the author's intention to evoke a sense of patriotism in response to the socio-political pressures faced by the Riau-Lingga Sultanate due to Western colonialism.

Keywords: Bugis, Malay literature, mirror for rulers, patriotism, Riau-Lingga, Malay history

PENDAHULUAN

Perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional tidak dapat dipisahkan daripada peranan istana. Istana memainkan peranan sebagai sebuah skriptorium yang menjadi pusat penghasilan, penyalinan dan penyebaran hasil karya kesusasteraan Melayu tradisional (Ming, 2003:44–46). Satu daripada istana Kesultanan Melayu yang berfungsi sebagai skriptorium kesusasteraan Melayu ialah Istana Pulau Penyengat. Istana tersebut merupakan sebahagian daripada Kesultanan Riau-Lingga yang merupakan sebuah kerajaan Melayu-Islam yang berpengaruh dalam abad ke-19 Masihi. Sepanjang perjalanan sejarah Kesultanan Riau-Lingga (1824–1911), beberapa tokoh intelektual telah lahir dan memberikan sumbangan penting dalam persuratan Melayu-Islam (Hafiz Zakaria & Wiwin Oktasari, 2019:1–9; Mardiana Nordin, 2022:87–93). Seorang daripada tokoh dalam Kesultanan Riau-Lingga ialah Raja Ali Kelana yang terkenal dengan karya ketatanegaraan Melayu berjudul *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*.

Secara asasnya, karya ketatanegaraan merupakan satu panduan yang diolah secara kreatif dalam bentuk kesusasteraan. Isi kandungan karya ketatanegaraan lazimnya membincangkan tugas atau tanggungjawab raja dan pembesar untuk mewujudkan pemerintahan yang adil (Shah Rul Anuar Nordin, 2022:125). Di alam Melayu, karya ketatanegaraan terawal seperti *Taj Salatin* oleh Bukhari Jauhari dan *Bustan al-Salatin* oleh Nur al-Din al-Raniri memasukkan unsur sejarah meliputi kisah penciptaan manusia, kisah para nabi, kisah raja-raja terdahulu dan kisah kekhilifahan Islam (Mohamad Hazizie Sulkaflie, 2023:96; Norhayati Hj Hamzah, 2020:115). Kisah-kisah ini mempunyai tujuannya yang tersendiri, iaitu menampilkan sifat didaktik, seperti kisah sejarah yang memberi pengajaran atau pedoman kepada golongan pemerintah untuk mewujudkan keadilan (Jelani Harun, 2017:142).

Dalam tradisi pensejarahan Bugis dalam Kesultanan Riau-Lingga, tokoh intelektual utamanya, iaitu Raja Ali Haji bertindak membahagikan antara ketatanegaraan dengan sejarah dalam dua genre yang berbeza (Arba’iyah Mohd Noor, 2021:212–213). Dalam konteks ketatanegaraan, Raja Ali Haji menghasilkan *Thamarat al-Muhimmah* dengan menggunakan kaedah huraian dan bersifat khutbah, tanpa diselangi kisah-kisah sejarah (Annuar Ramadhon Kasa & Akmaliza Abdullah, 2022:71). Pemisahan ini berlaku kerana Raja Ali Haji juga menghasilkan sebuah karya sejarah

khusus berjudul *Tuhfat al-Nafis* (Tatiana A. Denisova, 2017:169–170). Hal ini menunjukkan bahawa wujud dua jenis tradisi persuratan Melayu-Islam dalam konteks ketatanegaraan.

Permasalahan utama bagi kajian ini ialah *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* sebagai sebuah karya ketatanegaraan turut memasukkan sejarah salasilah keturunan diraja Bugis dalam Kesultanan Riau-Lingga. Elemen ini bertentangan dengan tradisi penulisan karya bergenre ketatanegaraan di alam Melayu yang memfokuskan kisah sejarah Islam berbentuk didaktik. Pada masa yang sama, perkara ini juga bertentangan dengan tradisi penulisan sejarah dalam masyarakat Bugis di Pulau Penyengat yang dipelopori oleh Raja Ali Haji. Walaupun Raja Ali Kelana dibesarkan dalam lingkungan istana Riau-Lingga, tetapi sejarah salasilah keturunan diraja Bugis dalam karyanya menandakan satu pendekatan yang berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian ini berfokus untuk menganalisis sejarah salasilah keturunan diraja Bugis dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* untuk memahami kearifan Raja Ali Kelana yang menggabungkan elemen sejarah tersebut dalam karya ketatanegaraannya.

Latar Belakang Raja Ali Kelana dan *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*

Raja Ali Kelana (1847–1927M) atau nama penuhnya Raja Ali bin Raja Muhammad Yusuf merupakan seorang daripada tokoh intelektual dalam sejarah Kesultanan Riau-Lingga. Beliau merupakan anak tunggal hasil perkahwinan kedua Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf (1858–1899) dengan Cik Nur binti Haji Husen Palembang (Abu Hassan Sham, 1995:56–57; Matheson, 1989:159). Menurut Abu Hassan Sham (1995:56-57) perkahwinan pertama YDM Raja Muhammad Yusuf adalah dengan Tengku Embong, iaitu anakanda kepada Sultan Mahmud (IV) Muzaffar Shah (1842–1857) yang bertujuan untuk mendekatkan hubungan antara Bugis dengan Melayu. Perkara ini menyebabkan Raja Ali Kelana mempunyai beberapa orang saudara tiri seperti Raja Nong, Raja Selamah, Raja Maimunah, Raja Cik, Raja Abdullah, Raja Halimah, Raja Enteh, Raja Lebar, Raja Nit, Raja Mahmud dan Sultan Abdul Rahman Muaazam Shah yang merupakan Sultan terakhir Riau-Lingga (1885–1911) (Aswandi Syahri, 2006:4).

Raja Ali sering dikenali dalam sejarah sebagai Raja Ali Kelana di mana istilah Kelana merujuk calon pengganti kepada Yang Dipertuan Muda (seterusnya disebut YDM) dalam Kesultanan Riau-Lingga. Walau bagaimanapun, selepas kemangkatan YDM Raja Muhammad Yusuf pada tahun 1899, Sultan Abdul Rahman enggan melantik Raja Ali Kelana, sebaliknya jawatan tersebut diambil alih oleh baginda (Matheson, 1986:15). Selain itu, Raja Ali Kelana turut dikenali sebagai Raja Ali Bukit berdasarkan tempat tinggal beliau di Bukit Bahjah, Pulau Penyengat; Engku Ali Riau oleh masyarakat di negeri Johor berdasarkan asal-usul beliau dari Riau dan Engku Ali Johor oleh masyarakat di Kepulauan Riau berdasarkan penempatan terakhirnya di Johor Bahru (U.U. Hamidy, 1988:121–122).

Sejak kecil, Raja Ali Kelana berada dalam lingkungan bangsawan yang mentadbir pemerintahan Kesultanan Riau-Lingga. Ayahandanya YDM Raja Muhammad Yusuf merupakan seorang pemerintah yang mempunyai minat mendalam terhadap kesusasteraan dan agama Islam. Sumbangan terbesar YDM Raja Muhammad Yusuf adalah dengan membina sebuah perpustakaan bernama Khutub Khanah Marhum Ahmadi yang memuatkan sekitar 500 koleksi karya-karya keagamaan dari India, Mesir, Mekah dan Madinah (Helmiati, 2021:105; Matheson, 1989:162). Menurut Abu Hassan Sham (1995: 45–46), YDM Raja Muhammad membelanjakan wang peribadi berjumlah sepuluh ribu rupiah untuk membeli buku-buku bagi keperluan perpustakaan berkenaan. Populariti perpustakaan ini turut menarik minat Hamka sehingga tokoh ulama Nusantara tersebut memberikan apresiasi dan mengakui bahawa perpustakaan berkenaan memuatkan pelbagai koleksi yang mahal dan berharga daripada pelbagai bidang Islam, seperti fiqh, tafsir, tasawuf dan falsafah, sebagaimana dijelaskan oleh Hafiz Zakariya dan Wiwin Oktasari (2020:282):

*With help from the royal families who performed hajj, or merchants who often travelled to and from Makkah, Arabic kitabs were brought to Riau... Once, a famous Indonesian scholar, by the name of Buya Hamka, visited Penyengat. He acknowledges that this library had expensive and valuable collections of various Islamic themes, such as fiqh, tafsir, taṣawwuf, and philosophy. Some Arabic books, imported from West Asia such as *Iḥyā Ulum al-Dīn* (al-Ghazālī), *Al-Qanūn al-Ṭib* (Ibn Sīnā), and *al-Zawajir* (Imam Ibn Ḥajar), could be found there...*

[Dengan bantuan kerabat diraja yang menunaikan haji, atau saudagar yang sering pergi dan balik ke Makkah, kitab-kitab Arab dibawa ke

Riau... Suatu ketika, seorang ulama terkenal Indonesia, bernama Buya Hamka, mengunjungi Penyengat. Beliau mengakui bahawa perpustakaan ini mempunyai koleksi pelbagai tema Islam yang mahal dan berharga, seperti fiqh, tafsir, taṣawwuf, dan falsafah. Beberapa buku Arab, yang diimport dari Asia Barat seperti Ihya Ulum al-Din (al-Ghazali), Al-Qanun al-Ṭib (Ibn Sina), dan al-Zawajir (Imam Ibn Hajar), boleh didapatkan di sana...].

Pengaruh daripada YDM Raja Muhammad Yusuf menyebabkan Raja Ali Kelana mengamalkan Tarekat Naqshabandiyah aliran Khalidiyyah yang diperoleh daripada Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi (1792–1844) sebelum kemudiannya mengambil bai’ah tarekat Naqshabandiyah aliran al-Mujadidiyah al-Ahmadiyah al-Muzharriyah daripada Sayyid Muhammad Shalih al-Zawawi (Aswandi, 2006:6–7). Perubahan tarekat ini pada pengamatan pengkaji adalah berdasarkan dua sebab. Pertama, Raja Ali Kelana terpengaruh dengan ayahandanya yang diangkat sebagai khalifah dalam tarekat Naqshabandiyah aliran al-Mujadidiyah al-Ahmadiyah al-Muzharriyah (EAP153/11/20:8). Kedua, perubahan ini adalah disebabkan oleh besarnya pengaruh dan ketokohan Sayyid Muhammad Salih al-Zawawi bagi masyarakat di alam Melayu sehingga turut diiktiraf oleh orientalis Belanda, iaitu Snouck Hugronje (1857–1936) sebagai profesor dalam ilmu Islam (Hugronje, 2007:200). Pengaruh al-Zawawi dinyatakan oleh Hugronje (2007:223) seperti yang berikut:

Most significant is the fact that several highly esteemed professors in Mekka are at the same time representatives of mystic orders, as e.g. Sheikh Abd al-Hamid of Daghestan, his pupil Habib Allah and Muhammad Salih, father of Abdallah Az-Zawawi. Of course, these learned mystics expect more knowledge in postulants than do those sheikhs who themselves are only to a moderate degree versed in dogma or law, but they do not blame the latter for attaching more importance to good morals than to learning...

[Paling signifikan ialah hakikat bahawa beberapa orang profesor yang sangat dihormati di Mekah pada masa yang sama merupakan wakil tarekat-tarekat, seperti Sheikh Abd al-Hamid dari Daghestan, muridnya Habib Allah, dan Muhammad Salih, bapa kepada Abdallah Az-Zawawi. Sudah tentu, ahli yang berpengetahuan ini mengharapkan tahap pengetahuan yang lebih tinggi dalam kalangan pengikut mereka berbanding para sheikh yang hanya mempunyai penguasaan sederhana

dalam bidang dogma atau undang-undang, namun mereka tidak menyalahkan golongan tersebut kerana lebih mengutamakan akhlak yang baik daripada ilmu pengetahuan...].

Dari segi pendidikan, Raja Ali Kelana mendapat bimbingan ilmu agama daripada Raja Ali Haji (1808–1873). Pendidikan ini diperoleh daripada lingkungan pondok yang diasaskan oleh Raja Ali Haji di Pulau Pengujaan (Putten & Al-Azhar, 1995:69–70) dan secara langsung di Istana Riau-Lingga memandangkan Raja Ali Haji merupakan penasihat kepada YDM Raja Muhammad Yusuf (Arba’iyah, 2021:206–207). Selain itu, Raja Ali Kelana juga pernah berguru dengan Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (1856–1908) dan mempelajari secara khusus berkaitan fiqh al-siyasah (Auni Abdullah, 2015:250–251).

Menurut Andaya (1977:127), Raja Ali Kelana dihormati oleh masyarakat Melayu kerana mempunyai jaringan perniagaan yang luas, berperanan besar dalam mempromosikan pendidikan Islam serta berpengetahuan luas tentang agama dan politik. Dalam bidang perniagaan, Raja Ali Kelana memiliki syarikat yang diasaskan pada tahun 1986 untuk menghasilkan batu-bata bernama Batam Brick Works (Primadona, 2023:23). Pejabat syarikat ini terletak di 135, Prinsep Street, Singapura manakala kawasan pengoperasiannya terdapat di Batu Haji, Pulau Batam (Aswandi Syahri, 2006:28–29). Selain itu, Raja Ali Kelana memiliki 15 buah rumah sewa di Singapura, mempunyai ladang kelapa di beberapa buah pulau sekitar Riau, menguasai perlombongan mineral, serta memiliki dua kapal berkuasa wap yang berfungsi sebagai kapal penumpang dan pengangkutan barang-barang dagangan di antara Riau dengan Singapura (Andaya, 1977:127).

Bagi mempromosikan pendidikan, Raja Ali Kelana menubuhkan Kelab Rushdiyah. Kelab tersebut merupakan sebuah kelab intelektual yang proaktif menentang Belanda dengan pendekatan ilmiah melalui perdebatan isu-isu semasa dan berperanan sebagai medium penghasilan serta penerbitan karya-karya tempatan (Barnard, 1994:17). Andaya (1977:127) menggambarkan Kelab Rushdiyah sebagai berikut:

...established on Penyengat as a forum for debate on Islamic issues and a medium for disseminating religious treatises. Most of the princes of Bugis descent were members and not surprisingly, the Rushdiyah club became a focus for anti-Dutch feeling.

[...ditubuhkan di Penyengat sebagai forum perdebatan mengenai isu-isu Islam dan sebagai medium untuk menyebarkan risalah agama. Kebanyakan putera berketurunan Bugis menjadi ahli, dan tidak menghairankan bahawa kelab Rushdiyah menjadi tumpuan bagi perasaan anti-Belanda].

Walaupun organisasi yang dipimpin oleh Raja Ali Kelana ini seolah-olah berorientasikan politik, namun organisasi tersebut turut terlibat secara langsung dalam bidang intelektual. Hal ini adalah kerana syarat untuk menganggotai kelab tersebut adalah ketat, iaitu seorang ahli baharu diwajibkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya dalam apa-apa bidang (U.U. Hamidy, 1988:69). Menurut Hafiz Zakariya dan Wiwin Oktasari (2017:18), kelab tersebut berjaya menghasilkan 73 buah karya bergenre agama dan 52 karya bergenre sastera. Oleh itu, kelab ini digambarkan sebagai pusat perbincangan hal ehwal agama dan budaya Melayu, mencerminkan imej Islam yang diperjuangkan golongan elit Riau (Noriah, 2016:224).

Selain itu, Raja Ali Kelana turut berperanan sebagai pendana utama bagi menubuhkan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah di Singapura pada 21 November 1907 (Abdul Rahman Abdullah, 1997:212), manakala perkongsian idea antara Raja Ali Kelana dengan Syeikh Tahir Jalaluddin pula mendorong kepada tercetusnya penerbitan majalah agama pertama di Nusantara, iaitu *al-Imam*. Raja Ali Kelana dan saudaranya Raja Khalid Hitam merupakan pendana utama manakala salah seorang editor *al-Imam* merupakan anak angkat Raja Ali Kelana, iaitu Sayyid Sheikh al-Hadi (Arba'iyah, 2021: 217). Menurut U.U. Hamidy (1988: 66), Raja Ali Kelana turut menulis dalam majalah tersebut berkisar tentang isu-isu politik semasa dan pentadbiran Kesultanan Melayu. Hubungan rapat *al-Imam* dengan golongan elit Riau juga menyebabkan majalah tersebut dianggap sebagai platform untuk melepaskan keluhan terutamanya berkait dengan pergolakan politik di Nusantara (Syed Alwi al-Hady:71–76).

Sebagai seorang tokoh intelektual, Raja Ali Kelana turut menghasilkan karya dalam pelbagai genre. Antaranya ialah *Perhimpunan Pelekat* (himpunan surat-surat peraturan kepada masyarakat), *Pohon Perhimpunan Pada Menyatakan Peri Perjalanan* (laporan perjalanan ke Pulau Tujuh), *Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* (karya ketatanegaraan), *Bughyat al-Ani fi Huruf al-Maani* (Karya Tatabahasa), *Perangai Bahgia bagi Manusia* (karya akhlak), *Ini Rencana Mudah Pada Mengenal Diri Yang Indah*

(karya tasawwuf), *Percakapan Si Bakhil* (karya akhlak) dan *Kesempurnaan Yang Lima Bagi Islam Menerima* (pelajaran fardhu ain) (Anastasia Wiwik Swastiwi, 2015:8; Jelani Harun, 2001:140; Mardiana Nordin, 2022:92)

Selepas kejatuhan Kesultanan Riau-Lingga pada tahun 1911, Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah, bersama-sama dengan Raja Ali Kelana, Raja Khalid Hitam dan kerabat Diraja meninggalkan Pulau Penyengat. Rombongan diraja ini menaiki kapal yang diketuai oleh nakhoda yang digelar Wak Senang, menuju ke Singapura dan Johor (Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Dahlan, 2018:81–82). Tidak lama setelah itu, Raja Ali Kelana diangkat sebagai *Shaikh al-Islam* (1914–1927) oleh Sultan Ibrahim al-Masyhur (1895–1959M) dalam Kesultanan Johor dan menjawat jawatan tersebut sehingga akhir hayatnya (Buyong Adil, 2020:359). Raja Ali Kelana meninggal dunia pada hari Ahad, pukul 8 pagi, 4 Disember 1927 dan dimakamkan di kompleks pemakaman Raja-Raja Johor di Mahmudiah, Johor Bahru (Aswandi Syahri, 2006:22).

Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas merupakan karya bergenre ketatanegaraan yang dicetak menggunakan percetakan litograf dan diterbitkan di *Matba'ah al-Imam*, Singapura pada tahun 1910 (Jelani Harun, 2001:133–158). Menurut Proudfoot (1993:315), naskhah asal karya ini masih boleh didapati di tiga tempat, iaitu secara bercetak di Perpustakaan Nasional Singapura dan Perpustakaan *School of Oriental and African Studies* di London serta dalam bentuk bentuk mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Selain itu, naskhah ini turut dicetak ulang dan diterbitkan oleh Khazanah Fathaniyyah hasil usaha Wan Mohd Shaghir.

Tujuan penghasilan *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* disebut dengan jelas, iaitu bagi memenuhi permintaan saudara Raja Ali Kelana, iaitu Raja Khalid Hitam (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:1). Tarikh permulaan penulisan karya ini tidak dapat dipastikan secara tepat, tetapi karya ini ditulis semasa lingkungan pemerintahan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah, iaitu sekitar tahun 1883 sehingga 1910 sebagaimana dinyatakan oleh *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* (1910:29):

Dan Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah kerajaan Lingga Riau
yang ada masa memperbuat kumpulan ini-keturunan pihak ayahnya.
Daripada Daeng Chelak yang telah tersebut dan berputerakan Raja
Haji dan berputerakan Raja Ja'far dan berputerakan Raja Ali dan

berputerakan Raja Muhammad Yusuf dan berputerakan Raja Abdul Rahman (Sultan yang ada sekarang).

Satu perkara yang menarik bagi karya ini ialah terdapat senarai daftar kesalahan beberapa ejaan selepas muka hadapannya. Terdapat 28 daftar kata yang mengandungi kesalahan yang disenaraikan bersama-sama dengan urutan halaman, baris, perkataan yang salah, dan diakhiri dengan kata pembetulannya. Dari segi kandungan, karya ini mempunyai 31 ringkasan, 60 pencerapan dan ditulis dalam 65 halaman. Jelani Harun (2001:141) membahagikan isi karya ini kepada lima bahagian, iaitu (i) panduan asas tatakelakuan manusia, (ii) sejarah raja-raja Bugis, (iii) cerita-cerita hikayat, (iv) adab tutur kata dan menjaga kesihatan badan dan (v) syair penutup teks. Abdul Rahman (2021:7–8) pula membahagikan karya ini kepada enam bahagian, iaitu (i) konsep raja, kerajaan dan etika politik, (ii) historiografi kepemimpinan sultan dan raja muda kerajaan Riau-Lingga, (iii) kisah-kisah didaktik tentang kepimpinan, (iv) etika berkomunikasi, (v) adab menjaga kesihatan dan (vi) syair nasihat.

Tumpuan utama karya ini adalah untuk memberikan panduan pemerintahan yang adil (Mohamad Hazizie Sulkaflie, 2023:100–101). Perkara tersebut dilakukan menerusi kisah dan hikayat raja yang adil atau menteri yang bijaksana yang terkenal dalam kesusasteraan Islam. Misalnya, dalam hikayat keenam diceritakan dialog seorang lelaki dengan Raja Iskandar Zulkarnian (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:35–36) seperti yang berikut:

Dan adalah Raja Iskandar pada suatu hari sesungguhnya telah mengenderai ia pada perhimpunan ahli mukimnya - maka berkata baginya oleh seorang laki-laki yang mendahului akan segala askarnya bahawa sesungguhnya Allah SWT telah mengurnia akan dikau kerajaan yang amat besar. Maka banyakkan olehmu daripada perempuan sampai banyak anak engkau maka disebut orang akan dikau dengan mereka itu kemudian daripada mati engkau.

Maka berkata Raja Iskandar tiada disebut laki-laki kemudian daripada mati mereka itu dengan sebab banyak anak. Tetapi disebut mereka itu dengan sebab elok perjalanan dan adil hukumnya.

Dan bermula yang bernama laki-laki itu telah mengalah ia akan segala laki-laki dunia ini tiada harus mengalahkan dia oleh perempuan.

Dalam konteks sastera adab ketatanegaraan, kisah-kisah ini merupakan unsur utama dalam memberikan panduan moral dan etika kepada pemimpin menurut tradisi pemerintahan yang dikehendaki dalam Islam (Shah Rul Anuar Nordin, 2022:125). Penggunaan kisah-kisah tersebut merupakan manifestasi kepada kekreatifan pengarang dalam menyampaikan nilai yang bertepatan dengan Islam seperti keadilan, kejujuran, keberanian dan kebijaksanaan (Nor Ashikin Md Nor & Salmah Jan Noor Muhammad, 2017:53). Selain itu, kisah didaktik dalam sastera adab ketatanegaraan juga dapat menjadi sumber inspirasi kepada pembaca untuk mencontohi sifat-sifat mulia dan berusaha menjadi individu yang lebih baik (Jelani Harun, 2017:142; Salmah Jan Noor Muhammad, 2022:25). Kebanyakkan kisah dalam karya ketatanegaraan adalah berunsurkan ketaatan kepada perintah Allah dan pelaksanaan keadilan yang mana perkara tersebut dapat membimbing pembaca tentang bagaimana kelakuan yang sepatutnya dalam mencari keredhaan Allah (Norhayati Hj Hamzah & Jamaluddin Aziz, 2019:140).

Selain kisah sejarah tersebut, terdapat juga sejarah geneologi Raja-raja Bugis (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:25–31). Walaupun ditulis secara ringkas, tetapi sejarah tersebut merangkumi tempoh pemerintahan setiap sultan berserta tarikh menaiki takhta dan tarikh kemangkatan masing-masing dengan lengkap. Dalam bahagian ini juga, turut dicatatkan secara ringkas asal usul hubungan baik di antara orang-orang Melayu dengan Bugis. Asal usul tersebut adalah berasaskan kepada hubungan ketenteraan apabila Raja Melayu memohon bantuan Bugis bagi mententeramkan pergolakan dalaman (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:30).

KAJIAN LEPAS

Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas mula diperkenalkan dalam kajian akademik oleh Jelani Harun (2001:133–158) yang mengklasifikasikannya sebagai karya ketatanegaraan Melayu terakhir. Jelani menjelaskan bahawa karya ini bukan sahaja memaparkan salasilah raja-raja Riau, tetapi juga dihiasi dengan pelbagai nasihat dan panduan pemerintahan yang ditujukan kepada golongan pemerintah. Jelani Harun (2003:112–115) menyatakan bahawa *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* mengutamakan pembentukan sifat mulia dalam diri manusia untuk dijadikan pegangan hidup

terutamanya bagi golongan pemerintah seperti setia, berilmu dan berakal. Selain itu, karya ini juga memberikan penekanan tentang kepentingan akal bagi raja kerana perkara tersebut merupakan alat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tentang adab pemerintahan negara dan alat bagi melaksanakan tugas pemerintahan sesuai dengan tuntutan agama (Jelani Harun, 2008:165).

Kajian Abdul Rahman (2016) pula memfokuskan kepada pemikiran etika pemerintahan dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*. Abdul Rahman menjelaskan bahawa karya ini ditulis berasaskan konsep *mamlukah* dan keharusan *maslahah* sebagai manifestasi jalan mencapai kesejahteraan dalam membina sebuah negara. Tujuan utama kerajaan adalah untuk menjaga maruah agama dan memastikan rakyat tidak dijajah. Hal ini disokong oleh Saepuddin (2020:9–10) yang menjelaskan bahawa tugas tersebut dipikul oleh pemerintah di mana hierarki sesebuah kerajaan mesti dibantu oleh menteri-menteri yang baik. Tugas memerintah kerajaan memerlukan kebijaksanaan pemerintah bagi memilih individu beramanah dan tidak menjerumuskan pemerintahan kepada kehancuran. Dalam kajian lain, Abdul Rahman (2021:10–19) menyimpulkan bahawa pemikiran etika kepimpinan Raja Ali Kelana adalah berpusat kepada beberapa tema, iaitu menjaga agama, keadilan, kesejahteraan, kesetiaan dan perpaduan. Tema-tema tersebut merupakan panduan yang seharusnya menjadi norma penguasa dalam mentadbir negara bertepatan dengan nilai-nilai *Maqasid Syariah*.

Berdasarkan kepada sorotan literatur terhadap *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas memberikan tumpuan kepada pemikiran ketatanegaraan dan politik Raja Ali Kelana. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak pula menyentuh tentang unsur patriotisme dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* sebagai sebahagian daripada pemikiran ketatanegaraan atau politik Raja Ali Kelana.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini merupakan kajian sejarah yang menggunakan pendekatan induktif. Data sejarah dikumpulkan daripada sumber primer, iaitu *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* dari Perpustakaan Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem. Data kemudiannya dianalisis menggunakan metode analisis kandungan. Metode ini memfokuskan pemahaman mendalam dan mentafsir data dalam konteks yang lebih luas untuk mencari makna di sebalik data yang memerlukan penyelidik untuk menginterpretasikannya

selaras dengan konteks kajian (Drisko & Maschi, 2016). Oleh itu, kajian ini mentafsir data daripada perspektif sejarah yang melatari *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, iaitu latar belakang pengarang dan latar belakang sejarah Kesultanan Riau-Lingga.

Kajian ini juga menggunakan konsep patriotisme dalam historiografi Melayu oleh Wan Mohd Nor et al. (2015). Dalam pemikiran masyarakat Melayu tradisional, patriotisme terikat dengan kesetiaan kepada raja, iaitu individu menunjukkan rasa cinta atau bertanggungjawab terhadap tanah air dan memimpin mereka. Menurut Eizah Mat Hussain (2023:21) dan Raja Hassan Raja Nor (1972:20), unsur-unsur patriotisme ditunjukkan dalam historiografi Melayu dengan: (i) menceritakan asal usul raja, (ii) menceritakan jurai keturunan raja, (iii) menceritakan kisah pembukaan negeri, (iv) menceritakan kedatangan Islam ke negeri itu dan (v) menceritakan keadaan negara meliputi pelbagai aspek seperti kemakmuran, perolehan kuasa atau ekonomi negara. Hal tersebut berperanan untuk mengukuhkan kedaulatan pemerintah di mata masyarakat dan menumbuhkan perasaan kasih sayang kepada kerajaan sebagai bukti kepada kesetiaan terhadap negara (Eizah Mat Hussain, 2023:21–22).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* (seterusnya disebut *KKRBL*) khususnya dalam bahagian sejarah Raja-raja Bugis, unsur patriotisme boleh dilihat melalui beberapa tindakan yang menggambarkan punca kuasa kepada Kesultanan Riau Lingga. Punca kuasa tersebut adalah daripada sumpah setia sebagaimana petikan teks yang berikut (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910: 24–26):

Bermula pada hijrah 1130 masa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang pertama **membaharukan sumpah dan setia antara Melayu dan Bugis dan Sultan inilah yang diangkat dan ditabalkan oleh Raja Bugis** (Kelana Jaya Putra) dan sumpah setia itu atas jalan agama muafakat yang baik tiada boleh menghilangkan kebajikan Yang Dipertuan Muda dan tiada boleh membuang Yang Dipertuan Muda sekali-kali (patah tumbuh hilang berganti) jika disalahi nescaya tiada selamat dunia akhirat serta anak cucu yang kemudian daripadanya. (hlm. 24)

Pada hijrah 1141 masa Yang Dipertuan Muda, yang bergelar Sultan Alaudin Daeng Pali **membaharukan lagi sumpah setia** itu dengan bersungguh-sungguh dijalankan dia. (hlm. 25)

Pada hijrah 1167 masa Yang Dipertuan Muda Daeng Kemboja **membaharukan lagi sumpah setia itu dengan dijaga dan diamalkan dia.** (hlm. 25)

Pada hijrah 1219 masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali yang Kedua **membaharukan lagi sumpah setia** dengan adat istiadat hingga berjalan dan beramal hal ehwal itu pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ja'far. (hlm. 25)

Pada hijrah 1254 masa Yang Dipertuan Muda masa Sultan Muhammad Shah dan Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman memperbuat **dan membaharukan lagi sumpah setia** serta ditambah dan diikutkan dengan satu perjanjian yang lain. (hlm. 25)

Pada hijrah 1275 masa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi memperbuat pula **sumbah setia dengan menguatkan segala setia-setia yang dahulu** hingga diumpamakan seperti mata hitam dan putih tiada boleh berceraian tanggal sekali-kali. (hlm. 25–26)

Pada hijrah 1275 masa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi **memperbuat pula sumpah setia dengan menguatkan segala setia-setia yang dahulu** hingga diumpamakan seperti mata hitam dan putih tiada boleh berceraian tanggal sekali-kali. (hlm. 25–26)

Pada hijrah 1313 masa Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah ini dan Seri Paduka ayahandanya Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi **memperbuat satu setia yang bernama (ikatan dan simpulan).** (hlm. 26)

Berdasarkan petikan teks, keadaan negara digambarkan sebagai negara yang berdaulat dengan kewujudan punca kuasa kerajaan, iaitu melalui sumpah setia dan persaudaraan di antara Melayu dengan Bugis. Zainal Kling (2019:9) menegaskan bahawa sesbuah negara terdiri daripada kumpulan manusia dalam sesuatu wilayah yang diatur oleh perundangan dan pemerintahan yang bebas dari kuasa luar. Dalam erti kata lain, pemerintahan yang mempunyai kedaulatan tersendiri dengan kuasa atau hak memerintah diikuti dengan hak untuk dipatuhi.

Melalui petikan teks, Raja Ali Kelana jelas menegaskan bahawa punca kuasa bagi Raja-Raja Bugis adalah berasaskan kepada sumpah

setia. Dari segi sejarah, sumpah setia ini tercetus apabila berlakunya kemangkatan Sultan Mahmud Shah II (1685–1699) tanpa pewaris yang telah mencetuskan kekacauan politik. Raja Kechik dari Siak mendakwa dirinya sebagai pewaris takhta tetapi ditentang oleh Sultan Sulaiman yang merupakan anak angkat Sultan Mahmud. Sultan Sulaiman kemudiannya meminta bantuan Opu-Opu Bugis untuk mengalahkan Raja Kechik (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:29–30). Pertolongan ini adalah disebabkan oleh status Opu-Opu Bugis yang digambarkan sebagai pelayar yang handal, pahlawan yang gagah, mempunyai kelengkapan perang yang utuh, berani berperang dan menguasai taktik perang yang sukar diduga oleh musuh (Salmah Jan Noor Muhammad, 2015:85).

Hasilnya, Daeng Marewah dan saudara Bugisnya berjaya mengalahkan Raja Kechik dan menyebabkan satu perjanjian sumpah setia dibuat antara Sultan Sulaiman dengan Opu-Opu Bugis. Sumpah setia ini memberikan Bugis kuasa dalam politik Kesultanan Johor-Riau sebagai satu ganjaran atas jasa yang diberikan. Hal ini dijelaskan dalam *Tuhfat al-Nafis* (Raja Ali Haji, 1998:79) sebagaimana yang berikut:

...maka muafakatlah pula Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dengan Datuk Bendahara (yang bernama Tun Abbas yang menjadi Bendahara Seri Maharaja itu, akan membala jasa opu-opu raja Bugis itu. Maka memintalah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah akan (segala) opu-opu itu, “Janganlah balik ke Bugis dahulu dimintanyalah salah seorang daripada opu-opu itu yang lima beradik itu menjadi Yang Dipertuan Muda, memerintahkan kerajaan Riau dan Johor dan Pahang dengan segala takluk daerahnya.

Daeng Marewah kemudiannya dilantik sebagai Yang Dipertuan Muda yang pertama. Kedudukan ini kemudiannya menjadi jawatan yang diwarisi oleh keturunan diraja Bugis sekali gus memberikan mereka legitimasi kuasa dan pengaruh dalam urusan kerajaan (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:31). Perolehan kuasa ini adalah berbeza dengan kerajaan Melayu yang lain di mana lazimnya pembukaan negeri menjadi asas kepada kedaulatan pemerintah (Eizah Mat Hussain, 2023:24; Zainal Kling, 2019:13).

Melalui sumpah setia juga, orang-orang Bugis dianggap “masuk Melayu” sebagaimana ditegaskan oleh Raja Ali Haji (Matheson, 1998:129, 183) sebagai, “Bugis sudah menjadi darah daging dan bercampur-baur

(dengan suku-suku Melayu)”, “anak cucu kita sudah menjadi anak cucunya (orang Melayu)” dan “Bugis sudah menjadi anak Melayu.” Hal ini sekali gus menggambarkan toleransi yang menguatkan lagi keabsahan kuasa Raja-raja Bugis dan kewibawaan mereka sebagai pemegang kuasa berdaulat.

Selain punca kuasa, *KKRBL* turut memuatkan unsur patriotisme dengan mengemukakan jurai keturunan Raja-raja Bugis. Perkara tersebut meliputi ringkasan tempoh pemerintahan yang sah, tarikh keputeraan, tarikh pemahkotaan dan tarikh kemangkatan setiap pemerintah dari zaman Sultan Sulaiman yang menganugerahkan kuasa kepada Raja-raja Bugis sehingga kepada pemerintahan YDM Raja Muhammad Yusuf seperti yang berikut (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910, 26–28):

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang pertama **dipersalinkan pada hijrah 1111 dan ditabalkan oleh Raja Bugis naik takhta kerajaannya pada hijrah 1134 mangkatnya pada hijrah 1162** pada sepuluh hari bulan Zul Kaedah malam isnin waktu dimihari dan dimakamkan pada hari Thulus awal waktu zohor maka jadilah umurnya 51 tahun **dan lama di atas takhta kerajaan 28 tahun.** (hlm. 26)

Dan Opu Daeng Marewah **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1134 dan mangkatnya pada hijrah 1141 lama di atas takhta kerajaan 7 tahun.** (hlm. 26)

Dan Opu Daeng Chelak iaitu yang disebut orang jua di sebelah barat Daeng Pali **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1141 dan mangkatnya pada hijrah 1158** pada tujuh belas hari bulan Rabi Al-Aakhir hari arba' lama di atas takhta kerajaan **17 tahun.** (hlm. 26)

Dan Daeng Kemboja yang disebut orang jua Marhum Janggut **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1161 mangkatnya pada hijrah 1190 lama di atas takhta kerajaan 29 tahun.** (hlm. 27)

Dan raja Haji Marhum Teluk Ketapang al-Syahid fi Sabil lillah Taala **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda** di dalam negeri Pahang **pada hijrah 1190 mangkatnya** di Teluk Ketapang Melaka **pada hijrah 1198 lama di atas takhta kerajaan 8 tahun.** (hlm. 27)

Dan permulaan Raja Ali **mendudukan pangkat Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1198 mangkatnya** diambil anggaran dan ketika diangkat dan dilantik Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar lebih kurang sedikit **pada hijrah 1221 jadilah ia memerintah di atas**

takhta kerajaan 23 tahun dan jika diambil ketetapan itu balik dari Sikudana baharu sah rajanya nescaya jadilah 3 tahun lamanya di atas takhta kerajaan demikianlah kata ahli Tawarikh. (hlm. 27)

Dan Raja Jaafar **dipersalinkan pada hijrah 1191** dan **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1221** mangkatnya pada hijrah 1248 lamanya di atas takhta kerajaan 27 tahun. (hlm. 27)

Dan Raja Abdul Rahman **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Lingga pada hijrah 1249** dan **mangkatnya pada hijrah 1260** lama di atas takhta kerajaan 11 tahun. (hlm. 27)

Dan Raja Ali yang kedua **dilantik jadi Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Lingga pada hijrah 1261** dan **mangkatnya pada hijrah 1273** lama di atas takhta kerajaan 12 tahun. (hlm. 27–28)

Dan Raja Abdullah yang disebut jua Marhum Mursyid **mendapat pangkat Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1274** mangkatnya pada hijrah 1275 lama di atas takhta kerajaan 1 tahun. (hlm. 28)

Dan Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi **mendapat pangkat Yang Dipertuan Muda pada hijrah 1275** mangkatnya pada hijrah 1317 lama di atas takhta kerajaan 42 tahun dan tatkala mangkatnya di dalam negeri Lingga pada sembilan haribulan Rabi al-Awal hari isnin jam pukul 7 pagi dua puluh minit dan dimakamkan pada malam selasa pukul 9 di tempat yang bernama Damnah dan tatkala hilang ruhnya marhum itu di dalam istiqamah yang sunyi daripada keluh-kesah dan tiada kelu lidahnya daripada menyebut tuhannya sehingga habisnya hal keadaan di dalam pengakuan itu saudaranya Engku Haji Daud. (hlm. 28)

Dalam konteks jurai keturunan juga, *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* (1910:28–29) menegaskan bahawa keturunan Raja-raja Bugis adalah berasal daripada Opu Lima Bugis Bersaudara sebagaimana yang berikut:

Dan diambil **permulaannya daripada Opu Tendera Burung Daeng Rilaka** adapun Daeng Rilaka itu maka iaitu Raja yang datang daripada pihak Bugis dan berputera enam orang lima daripadanya laki-laki dan satu daripadanya perempuan sebagaimana disebutkan di bawah ini:

Pertama Daeng (Perani) Pihak Johor Bahru

Kedua Daeng (Marewah) Pihak Selangor dan Riau

Ketiga Daeng (Menambun) Pihak Mempawah Pontianak

Keempat Daeng (Chelak) Pihak Riau-Lingga-Terengganu

Kelima Daeng (Kemasik) Pihak Sambas

Keenam Daeng (Datu Rawatu) Pihak Raja Siti Nong Chik. (hlm. 28–29)

Dan Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah kerajaan Lingga Riau yang ada masa memperbuat kumpulan ini keturunan pihak ayahnya. Daripada Daeng Chelak yang telah tersebut dan berputerakan Raja Haji dan berputerakan Raja Ja'far dan berputerakan Raja Ali dan berputerakan Raja Muhammad Yusuf dan berputerakan Raja Abdul Rahman (Sultan yang ada sekarang) dan pihak bondanya daripada Daeng Chelak yang tersebut itu juga berputerikan Tengku Putih dan berputerakan Sultan Mahmud yang pertama dan berputerakan Sultan Abdul Rahman yang pertama dan berputerakan Sultan Muhammad dan berputerakan Sultan Mahmud yang kedua yang disebut orang Marhum Pahang dan berputerikan Tengku Fatimah timangannya (Tengku Embong) dan berputerakan Raja Abdul Rahman (Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah). (hlm. 29)

Menurut Ali Ahmad (1987:10), karya kesusasteraan lazimnya menampilkan watak raja yang memerintah sebagai fokus penceritaan pengarang. Hal ini adalah disebabkan oleh orientasi penulisannya tertumpu untuk membentangkan salasilah pemerintah bermula dari asal kedaulatan sebagai pemerintah terbina sehingga kekuasaan yang diwarisi secara turun-temurun (Eizah Mat Hussain, 2023:26). Hal ini dapat dilihat dengan jelas di mana pengarang *KKRBL* menyusun kekuasaan yang diwarisi oleh Raja-raja Bugis secara kronologi. Menurut Norazimah et al. (2018:203), tujuan penceritaan dengan konsep ini adalah untuk meninggikan kedudukan pemerintah, menguatkan kesucian keturunan pemerintah dan membina keabsahan pemerintahan. Perkara ini menjelaskan bahawa dalam pemikiran Raja Ali Kelana, seorang rakyat dalam Kesultanan Riau-Lingga perlu tunduk kepada Raja-raja Bugis yang mempunyai kedaulatan dan keautoritian kuasa memerintah secara turun-temurun. Walaupun Raja-Raja Bugis berasal daripada jalur keturunan Opu-Opu Bugis Lima Bersaudara, tetapi pembauran antara Bugis dan orang Melayu telah berlaku dan menjadikan Raja-raja Bugis mendapat kedudukan istimewa sebagai pemerintah (Yang Dipertuan Muda) dalam Kesultanan Riau-Lingga.

Di samping itu, Raja Ali Kelana dalam *KKRBL* turut memuatkan cerita-cerita patriotik dengan menfokuskan Opu-Opu Bugis sebagai patriot (hero) yang mewujudkan keamanan dalam negara. Perkara tersebut merupakan satu tindakan yang menunjukkan kebaktian Opu-Opu Bugis terhadap pemerintah dengan menghalau dan menghapuskan ancaman terhadap kerajaan. Dalam *KKRBL*, Raja Ali Kelana menjelaskan bahawa perebutan kuasa antara Sultan Sulaiman dengan Raja Kechik menyebabkan berlakunya konflik perebutan kuasa (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:29). Dalam peristiwa ini, Daeng Marewah telah diangkat sebagai patriot dengan mengalahkan Raja Kechik sebagaimana yang digambarkan seperti petikan (*Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:29–30):

Dan kemudian daripada itu maka datanglah raja-raja Bugis yang bernama Kelana Jaya (Daeng Marewah) serta saudara sekalian iaitu putera-putera daripada Opu (Daeng Rilaka) yang telah tersebut dan adalah **kedatangan anak-anak raja itu sebab dijemput oleh Raja Melayu minta bantu tolong pukulkan Raja Kechik itu maka dipukul oleh anak-anak Raja Bugis kerajaan Riau serta takluknya dengan takdir Allah yang amat kuasa tiba-tiba kalah dan Raja Kechik pun lari balik ke Siak** dan negeri Riau dengan segala takluknya di dalam tangan Raja Bugis yang bernama Kelana Jaya Putera iaitu pada hijrah 1134.

Dalam cerita berunsurkan patriotik, unsur keberanian atau kepahlawanan dalam perperangan adalah sangat penting. Menurut Wan Mohd Nor et al. (2015:49–54), seseorang individu dalam karya sastera boleh dianggap mempunyai sifat patriotik apabila digambarkan sebagai pahlawan yang sanggup mengorbankan nyawa diri sendiri demi negara. Hal ini dapat dilihat apabila kedatangan Opu-Opu Bugis dapat menyelesaikan krisis kekuasaan sehingga memenangkan pertempuran dengan Raja Kechik. Hasil kemenangan ini menjadikan Opu-Opu Bugis diangkat sebagai pahlawan sehingga Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1699–1760) melarang mereka pulang ke tanah Bugis kerana bimbang berlakunya ancaman rampasan kuasa sebagaimana disebut dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* (1910:31), “jika Opu-Opu itu balik ke tanah Bugis, nescaya turun kerajaannya diperbuat oleh Raja Kechik”.

Berdasarkan ketiga-tiga unsur yang terdapat di dalam *KKRBL*, penulis berpandangan bahawa tujuan utama Raja Ali Kelana menulis sejarah salasilah keturunan Raja-Raja Bugis dalam karya ini adalah untuk memupuk

semangat patriotisme. Hal ni disebabkan oleh pengaruh Raja Ali Kelana sebagai pengarang *KKRBL* dengan perjuangan gurunya, iaitu Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani untuk menuntut kemerdekaan Alam Melayu (Auni Abdullah, 2015:250–251). Corak penulisan sejarah dalam *KKRBL* sebagaimana dianalisis adalah selari dengan penulisan sejarah dalam *Hadiqah al-Azhar wa al-Rayahin* karangan Sheikh Ahmad. Sebagai contoh, *Hadiqah al-Azhar* menampilkan asal usul keturunan, tempoh pemerintahan dan kisah-kisah Sultan Turki Uthmaniyyah sebagai pemerintah yang adil sebagaimana contoh yang berikut dalam Ahmad al-Fatani (1935:130–132):

Dan telah dimasyurkan bahawasa **mereka itu daripada bangsa Turki dan bahawasa titihan mereka itu sampai ia kepada Yafith anak Nabi Nuh A.S.** Dan bahawasa nenek mereka itu Amir Othman ialah awal mereka yang jadi Sultan pada negeri Rom dan iaitu anak Ertughul anak Sulaiman Shah... (hlm. 130)

Dan adalah **Sultan Uthman raja yang adil** lagi zuhud pada dunia dan gemar ia pada akhirat lagi **amat berani hatinya menggali pada berperang sabil Allah** merai ia akan segala panglima dan memperbuat ia akan kebajikan kepada segala anak yatim dan segala perempuan yang bujang... (hlm. 131)

Dan wafat ia pada tahun 726 tahun dan umurnya 69 tahun dan masa kerajaannya 26 tahun... (hlm. 132)

Raja Ali Kelana mengadaptasi corak penulisan sejarah daripada *Hadiqah al-Azhar* dan menyesuaikannya dengan konteks pada zaman kehidupan beliau. Pada pandangan pengkaji, perkara ini merupakan refleksi Raja Ali Kelana terhadap kemerosotan kuasa Kesultanan Riau-Lingga.

Dari segi sejarah, Kesultanan Riau-Lingga pada awalnya merupakan sebahagian daripada Kesultanan Johor-Riau. Namun, berikutan peristiwa pada 17 Mac 1824, berlaku pemisahan wilayah melalui perjanjian Inggeris-Belanda akibat perebutan kuasa ekonomi antara British dengan Belanda terutamanya dalam menguasai perdagangan di Singapura (Alaeddin Tekin, 2021:184). Melalui perjanjian ini, kepulauan Melayu terbahagi kepada dua wilayah di bawah pengaruh dua penjajah yang berbeza, sekali gus menyebabkan Kesultanan Johor-Riau terbahagi kepada dua, iaitu Kesultanan Johor dan Kesultanan Riau-Lingga (Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Dahlan, 2018:72–73). Belanda menguasai gugusan Kepulauan

Melayu ke selatan selat Singapura merangkumi Pulau Jawa dan Sumatera, manakala British menguasai Singapura serta kawasan Tanah Melayu.

Kesultanan Riau-Lingga diperintah oleh Sultan yang bersemayam di Daik, Lingga dan berkewajipan mengucapkan sumpah setia di hadapan Residen Belanda sebelum menaiki takhta, manakala jawatan Yang Dipertuan Muda Riau berfungsi sebagai ketua kerajaan untuk mentadbir hal ehwal negara dan diwarisi secara turun-temurun oleh keturunan Bugis.

Sejak awal abad ke-19M, YDM Riau mula mengimplementasikan ajaran Islam dalam pemerintahan Kesultanan Riau-Lingga. Hal ini berikutan besarnya pengaruh agama dan penyebaran tarekat Naqshabandiyah dalam kalangan bangsawan Riau (Helmiati, 2021:104). Gelombang ini menyebabkan berlakunya perubahan positif ke arah pembudayaan ilmu agama dan kesusasteraan Melayu. Di dalam *Tuhfat al-Nafis* dijelaskan bahawa YDM Raja Jaafar (1805–1831) merupakan pemimpin yang mencintai budaya ilmu dan para ulama selain berperanan membanteras gerakan pseudo-sufi yang disebarluaskan oleh Lebai Tamat (Matheson, 1998: 322–325, 331). Dalam pentadbiran kerajaan pula, YDM Raja Jaafar mewajibkan para pegawai untuk mempelajari al-Quran daripada tenaga pengajar al-Quran yang diupah khas (Matheson, 1998:331). Keadaan ini kemudiannya diteruskan oleh YDM Abdul Rahman (1831–1844) sehingga baginda secara langsung juga mempelajari ilmu agama termasuklah membaca karya-karya al-Ghazali seperti *Bidayah al-Hidayah* dan *Minhaj al-Abidin* (Matheson, 1998:416–417). Seterusnya, YDM Raja Abdul Rahman turut membina sebuah masjid berhadapan Tanjung Pinang sebagai lambang kemegahan Islam di Pulau Penyengat (Matheson, 1989:160).

Semasa pemerintahan YDM Raja Ali Raja Ja'far (1844–1857), baginda telah menganjurkan pengajian-pengajian agama, bahasa Arab dan al-Qur'an bagi masyarakat pada setiap malam (Wan Mohd Shaghir, 1985:49). Baginda turut menguatkuasakan larangan-larangan berlandaskan syarak seperti larangan berzina dan berjudi, kewajipan mendirikan solat Jumaat dan menutup aurat, manakala para pegawai kerajaan diwajibkan menuntut ilmu agama dan memperbaiki bacaan al-Qur'an (Matheson, 1998:432–433).

Walau bagaimanapun, krisis politik mulai melanda apabila berlakunya kontrak politik yang ditandatangani oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (anakanda YDM Raja Muhammad Yusuf), YDM Raja Abdullah dan Residen Nieuwenhuijzen pada 1 Disember 1857. Dalam perjanjian ini,

jelas dinyatakan bahawa Sultan Riau-Lingga hanya mempunyai kerajaan sekadar “pinjaman” daripada Kolonial Belanda (ANRI, 1970:92). Sejak itu, suasana politik berada pada tahap tegang antara Kesultanan Riau-Lingga dengan kolonial Belanda khasnya menjelang awal abad ke-20. Belanda memujuk Sultan untuk berpindah dari Daik di Pulau Lingga ke Pulau Penyengat yang berhadapan dengan pusat pentadbiran kolonial di Tanjung Pinang. Menurut Matheson (1986:16), arahan perpindahan ini adalah bermotifkan pengurangan kekuasaan politik Sultan. Hal ini adalah kerana Daik merupakan kawasan bandar yang maju dan merupakan pusat kerajaan. Pujukan Belanda supaya Sultan berpindah adalah bagi mengurangkan kuasanya secara langsung kepada rakyat. Belanda kemudian mewajibkan pula supaya bendera kedua-dua kerajaan dipasang bersama-sama dengan kedudukan bendera Belanda diletakkan lebih tinggi (Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Dahlan, 2018:73).

Sebagai respons, Sultan dan golongan kerajaan melancarkan serangan pasif dengan tidak mengibarkan bendera Belanda. Perkara ini termasuklah keenggan mengibarkan bendera ketika Residen Riau mengunjungi Pulau Penyengat pada 1 Januari 1903, keenggan mengibarkan bendera di atas Kapal Sri Penyengat dan sewaktu perkahwinan Raja Muda Terengganu dengan puteri Sultan pada 18 Jun 1909. Van Hasselt kemudiannya mengecam tindakan tersebut dan mengelar Sultan Abdul Rahman sebagai penentang yang dikelilingi kumpulan pembangkang berhaluan kiri (Ahmad Dahlan, 2017:372–376). Penentangan ini mendorong usaha penegasan semula kekuasaan Belanda dengan memaksa Sultan menandatangani kontrak baharu pada tahun 1905. Kontrak ini ditandatangani oleh Sultan Abdul Rahman dengan Residen William Albert de Kabter tanpa persetujuan ahli majlis kerajaan yang lain (Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Dahlan, 2018:73–74).

Jika diperhatikan, *KKRBL* dihasilkan pada tahun 1910, iaitu ketika Kesultanan Riau-Lingga menghadapi pergolakan politik di mana kedaulatan kerajaan yang didapati secara sah melalui sumpah setia diabaikan Belanda dan dianggap sekadar “pinjaman” (ANRI, 1970: 92). Oleh itu, penulisan sejarah yang menampilkan unsur patriotisme seperti punca kuasa Raja-raja Bugis, jurai keturunan Raja-raja Bugis yang menjadi YDM dan cerita Opu-Opu Bugis yang dianggap sebagai pahlawan bertujuan untuk menyedarkan Sultan terakhir Kesultanan Riau-Lingga seterusnya pembaca supaya merasa cinta dan memupuk rasa tanggungjawab terhadap tanah air serta bangsa.

Pada tahun 1910 juga, Belanda mengusulkan pembaharuan kontrak politik. Namun, kali ini, Raja Ali Kelana dan ahli kerajaan yang lain memainkan peranan dengan meyakinkan Sultan Abdul Rahman untuk menolak kontrak tersebut (Ahmad Dahlan, 2017:403–405). Satu daripada kaedah untuk menyedarkan Sultan adalah melalui penulisan *KKRBL*, iaitu semangat patriotisme yang ditanamkan dalam karya tersebut adalah selari dengan tindakan Sultan yang tidak tunduk kepada pihak Belanda. Berdasarkan semangat patriotisme yang menyedarkan Sultan tentang punca kuasa Raja-raja Bugis, jurai keturunan Raja-raja Bugis dan cerita patriotik Raja-raja Bugis yang berani, maka perkara tersebut dilihat mempengaruhi Sultan Sulaiman yang juga berketurunan Bugis untuk menjaga maruah keturunannya dengan mengabaikan permintaan Belanda. Walau bagaimanapun, penentangan tersebut sampai ke kemuncaknya pada 10 Februari 1911M. Pada hari tersebut, kapal Belanda mengepung Pulau Penyengat serta kediaman Sultan dan ketua ahli kerajaan, iaitu Raja Ali Kelana. Kemudian, pihak Belanda membacakan surat perlucutan takhta Sultan Abdul Rahman yang telah ditandatangani oleh G.F. de Bruynkops (Abu Hassan Sham, 1980:83–84). Sultan kemudiannya terpaksa berpindah ke Singapura bersama golongan bangsawan Riau yang lain pada keesokan harinya dan masih kekal dengan pendiriannya, iaitu tidak mahu berada di bawah kekuasaan kolonial Belanda (Matheson, 1986:16).

KESIMPULAN

Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas karangan Raja Ali Kelana merupakan sebuah karya ketatanegaraan Melayu. Meskipun bergenre ketatanegaraan, karya ini turut memasukkan unsur-unsur sejarah, iaitu salasilah keturunan Bugis. Tujuan utama unsur ini sebagaimana ditegaskan dalam kajian ini adalah untuk mewujudkan semangat patriotism. Dengan cara ini, unsur sejarah tersebut mencerminkan pemikiran Raja Ali Kelana yang responsif terhadap suasana politik Kesultanan Riau-Lingga yang berada di bawah tekanan kolonial Belanda. Untuk kajian lanjutan, disarankan agar fokus kajian diperluas kepada hubungan dan keterpengaruhannya antara *Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* dan *Hadiqah al-Azhar*, memandangkan kedua-duanya berkongsi corak penulisan sejarah yang hampir serupa.

PENGHARGAAN

Pihak pengarang merakamkan penghargaan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Universiti Malaya atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Annuar Ramadthon Kasa: Mengumpul, menganalisis data dan menulis draf artikel; Mohd Anuar Ramli: Membuat ulasan dan penambahbaikan artikel.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. (1980). Tariqat Naqsyabandiyah dan perannya dalam kerajaan Melayu Riau sehingga awal abad kedua puluh. Dalam Khoo Kay Kim (Eds.), *Tamadun di Malaysia* (hlm. 74–86). Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abu Hassan Sham. (1995). *Syair-syair Melayu Riau*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdul Rahman Abdullah. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Gema Insani Press.
- Abdul Rahman. (2016). Konsep mamlukah dan keharusan maṣlahah dalam etika kekuasaan Raja Ali Kelana 1849–1927 [Tesis Sarjana, UIN Kalijaga, Yogyakarta].
- Abdul Rahman. (2021). Etika pemimpin politik dalam Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas (Perspektif Maqashid al-Syariah). *Al Imarah: Jurnal Pemerintahan dan Politik Islam*, 6(1), 10–19.
- Ahmad Dahlan. (2017). *Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

ANNUAR RAMADHON KASA DAN MOHD ANUAR RAMLI

- Ahmad al-Fatani. (1935). *Hadiqah al-Azhar wa al-Riyahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin*. Haji Muhammad 'Ali bin Haji Muhammad Rawa.
- Alaeddin Tekin. (2021). Restoration of Riau Sultanate-Ottoman relations (1857–1904): Explanatory factors. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 26(2), 177–196.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-karya sastera bercorak sejarah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anastasia Wiwik Swastiwi. (2015). *Pulau Tujuh: Sejarah dan masyarakatnya pada naskah pohon perhimpunan peri perjalanan*. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan Balai Pelestarian Nilai Budaya Tanjung Pinang.
- Andaya, B.W. (1977). From Rum to Tokyo: the search for anticolonial allies by the rulers of Riau 1899–1914. *Indonesian*, 24, 123–156.
- Annuar Ramadhon Kasa, & Akmaliza Abdullah. (2022). Pemikiran Raja Ali Haji tentang sifat dengki: Analisis terhadap Thamarat Al-Muhimmah dan Tuhfat al-Nafis. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(3), 67–81.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2021). Literary and intellectual life in nineteenth-century Penyengat Island: Riau the works of Raja Ali Haji. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 26(2), 197–218.
- Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI). (1970). *Surat-surat perdjandjian antara Kesultanan Riau dengan pemerintahan V.O.C. dan Hindia Belanda 1785-1809*. Arsip Nasional Republik Indonesia.
- Aswandi Syahri. (2006). *Raja Ali Kelana (1860an-1927) dan pondasi historis industri Pulau Batam*. Dinas Pariwisata dan Kebudayaan Kota Batam.
- Auni Abdullah. (2015). *Pemikiran politik Islam dalam sejarah persuratan Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Barnard, T. P. (1994). Taman penghiburan: Entertainment and the Riau élite in the late 19th century. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 67(2), 17–46.
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Johor*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan*. Utusan Publications.
- Drisko, J. W., & Maschi, T. (2016). *Content analysis*. Oxford University Press.
- EAP153/11/20. *Kaifiat Zikir Tarekat Naqsyabandiah*.
- Eizah Mat Hussain. (2023). Konsep historiografi Melayu. Dalam Hashim Ismail (Eds.), *Konsep dan genre kesusasteraan Melayu* (hlm. 15–34). Penerbit Universiti Malaya.

- Hafiz Zakariya, & Wiwin Oktasari. (2017). From Riau to Singapore: A content analysis of the Rushdiah Club major published writings (ca. 1890–1950). *Umran: International Journal of Islamic and Civilisational Studies*, 4(3), 11–25.
- Hafiz Zakariya, & Wiwin Oktasari. (2019). Print culture in the Sultanate of Riau-Lingga during the late nineteenth and early twentieth centuries. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences*, 9(4), 1–9.
- Hafiz Zakariya, & Wiwin Oktasari. (2020). Education and writing culture in the Sultanate of Riau-Lingga during the early nineteenth century. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 277–284.
- Helmiati, H. (2021). Nurturing Islamic and socio-political thoughts in Riau and beyond: Exploring Raja Ali Haji's Works. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(2), 99–109.
- Hugronje, S. (2007). *Mekka in the latter part of the 19th century* (Terj.). J.H. Monahan. Brill.
- Jelani Harun. (2001). Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya ketatanegaraan Melayu yang terakhir. *Sari (ATMA)*, 19, 133–158.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran adab dan ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2008). Minda adab ketatanegaraan Kesultanan Melayu: Keharmonian hubungan pemerintah dengan rakyat. Dalam Anwar Ridhwan (Eds.), *Minda Melayu* (hlm. 163–182). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2017). Kedudukan istimewa karya agung adab ketatanegaraan Kesultanan Aceh Darussalam dalam sejarah persuratan Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(2), 139–162.
- Mardiana Nordin. (2022). Keintelektualan masyarakat Johor: Tradisi persuratan merentas zaman. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 83–98.
- Matheson, V. (1986). Strategies of survival: The Malay royal line of Lingga-Riau. *Journal of Southeast Asian Studies*, 17(1), 5–38.
- Matheson, M. (1989). Pulau Penyengat: Nineteenth century Islamic centre of Riau. Archipel 37, *Villes d'Insulinde* IIIV, 153–172.
- Matheson, V. (Penyusun) (1998). *Tuhfat al-Nafis*. Yayasan Karyawan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamad Hazizie Sulkaflie. (2023). Major trends in the study of Malay statecraft since 1900. *IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies*, 6(2), 93–119.
- Mohd Roslan Mohd Nor, & Ahmad Dahlan. (2018). The activism and survival of the Riau-Lingga 'Ulama in the Dutch East Indies colonial era (1900–1913). *Journal of Indonesian Islam*, 12(1), 69–84.

ANNUAR RAMADHON KASA DAN MOHD ANUAR RAMLI

- Nor Ashikin Md Nor, & Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). Bustan al-Salatin panduan kepada pemerintahan Islam yang adil oleh golongan pembantu raja. MANU: *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 26, 51–75.
- Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid, & Ani Omar. (2018). Sejarah Melayu sebagai lambang tradisi akal budi bangsa yang tinggi. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 191–209.
- Norhayati Hj Hamzah, & Jamaluddin Aziz. (2019). Historical and didactic themes in Bustan Al-Salatin by Nur Al-Din Al-Raniri: A study based on book i-book iv. *Journal of al-Tamaddun*, 14(2), 117–142.
- Norhayati Hj Hamzah. (2020). The sources of writing Bustan Al-Salatin by Nur Al-Din Al-Raniri: A study based on book i-book IV. *Journal of al-Tamaddun*, 15(2), 115–132.
- Noriah Taslim. (2016). *Kolonialisme dan fenomena sastera abad peralihan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Primadona, W. T. (2023). Sustainable tourism: Cultural and historical tourism destination, Bulang District, Batam City. *LANGGAM: International Journal of Social Science Education, Art and Culture*, 2(3), 21–31.
- Proudfoot, I. (1993). *Early Malay printed books: A provisional account of materials published in the Singapore-Malaysia area up to 1920, noting holdings in major public collections*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Putten, J., & Al-Azhar. (1995). *Di dalam berkekalan persahabatan: "In Ever Lasting Friendship": Letters from Raja Ali Haji*. Department of Languages and Culture of South-East Asia and Oceania, University of Leiden
- Raja Ali Kelana. (1910). *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*. Matba'ah al-Imam.
- Raja Hassan Raja Nor. (1972). Pola-pola historiografi dalam pensejarahan Melayu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 2, 16–24.
- Saepuddin, S. (2020). Pengaruh Bugis di Tanah Melayu dalam perspektif sejarah sosial politik. *Rihlah: Jurnal Sejarah dan Kebudayaan*, 8(1), 1–17.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Strategi diplomatik bervariasi suatu kearifan lokal dalam pemerintahan Kesultanan Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 79–93.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2022). The concept of the intellect according to Nuruddin Al-Raniri in the Bustan al-Salatin. *Malay Literature*, 35(1), 1–26.
- Shah Rul Anuar Nordin. (2022). Perbandingan pemikiran ketatanegaraan di dalam kitab Salatin. *Global Journal of al-Thaqafah*, 12(2), 119–134.
- Syed Alwi al-Hady. (1999). The life of my father. Dalam Alijah G. (Eds.), *The real cry of Syed Haykh al-Hady* (hlm. 69–84). Malaysian Sociological Research Institute.

- Tatiana A. Denisova. (2017). Ketatanegaraan Melayu kurun ke-19 menerusi pandangan Raja Ali Haji: Kajian berdasarkan karya sejarah Tuhfat al-Nafis. Dalam Arba'iyah Mohd Noor dan Mohd Hanafi Ibrahim (Eds.), *Raja Ali Haji: Pemikir ulung alam Melayu abad ke-19* (hlm. 169–193). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- U.U. Hamidy. (1988). *Riau sebagai pusat bahasa dan kebudayaan Melayu*. Penerbit Bumi Pustaka.
- Wan Mohd Nor, Tatiana A. Denisova, & Khalif Muammar A. Harris. (2015). *Patriotisme & ketatanegaraan*. Akademi Ketatanegaraan BTN, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama CASIS, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Mohd Shaghir. (1985). *Syeikh Ismail al-Minangkabawi: Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*. CV Ramadhani.
- Zainal Kling. (2019). Kedaulatan dan kekuasaan Melayu dalam teks sastera. Dalam Jelani Harun dan Rogayah A. Hamid (Eds.), *Kedaulatan dan kekuasaan Melayu dalam teks sastera* (hlm. 1–37). Dewan Bahasa dan Pustaka.